

4,000 Banjiri Stadium Kompleks Sukan UUM
Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 30 Oktober 2010 17:28

Kepada: UUM - All Staff, UUM All Students

30 OKTOBER 2010 / 22 ZULKAEDAH 1431H


=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed

Gambar Oleh: Unit Foto Unit Komunikasi Korporat

4,000 Banjiri Stadium Kompleks Sukan UUM



UUM ONLINE: Lebih 4,000 banjiri Kompleks Sukan Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi menyaksikan perasmian Pesta Konvo ke-23 Sidang Kedua 2010 malam tadi.

Perarakan beca dari Pulau Pinang, basikal tua, persembahan dari artis jemputan Tomok, Pasukan Akrobatik Motosikal Wira Merah dari Kor Polis / Tentera Diraja, perarakan pelajar dari Dewan Penginapan Pelajar (DPP) dan percikan bunga api mewarnai stadium itu.

Pro-Canselor UUM Tun Dato' Sri (Dr.) Ahmad Fairuz Dato' Sheikh Abdul Halim merasmikan pesta konvo yang bertemakan '1Malaysia: Mahasiswa Bersatu'.

Bekas ketika berucap di majlis perasmian itu bangga dengan komitmen dari semua warga kampus yang bertungkus lumus menjayakan pesta konvo dan merealisasikan tema perayaan pada kali ini dengan semangat perpaduan melalui jalinan hubungan yang erat sebagaimana yang digariskan dalam konsep 1Malaysia.

"Penyerahan kontinjen dalam perbarisan dengan berpakaian kebangsaan dari pebagai kaum, bangsa, agama dan negara sudah cukup untuk membuktikan bahawa bukan sahaja bidang akademik yang disandarkan oleh mahasiswa dari kampus ini tetapi jalinan hubungan dan budaya menampilkan pelajar yang berwawasan di Universiti Pengurusan Terkemuka ini," ujar bekas.

Terdahulu Naib Canselor Prof Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, penyerahan dan persembahan yang ditampilkan di majlis perasmian pesta konvo kali ini mengambil kira cita-rasa generasi muda.

Bekas berharap dengan pebagai aktiviti yang diatur ini pastinya akan mengembirakan bukan sahaja pengunjung yang datang ke universiti ini malah memperihatkan kepada ibu bapa bahawa sambutan ini adalah bagi merayakan anak-anak mereka yang berjaya mendapat segugung ijazah dari universiti ini.

Habis.

DARIPADA:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3861/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my